

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]  
TARIKH : 31 OKTOBER 2017  
SOALAN : 18**

**YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci dalam cara untuk menentukan caj yang akan dikenakan oleh pengguna di tempat meletak kereta bertingkat Hospital Umum Sarawak (HUS) yang bakal siap nanti. Memandangkan projek ini adalah usaha bersama dengan swasta serta caj yang dikenakan adalah sebahagian daripada bayaran balik, nyatakan secara terperinci kontrak yang sedia ada mengenai bayaran balik tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perjanjian Konsesi (CA) bagi Projek Cadangan Menaiktaraf Hospital Umum Sarawak (HUS) secara Kerjasama Awam Swasta - *Built-Lease-Maintain-Transfer* (BLMT) melalui kaedah perolehan *Swiss Challenge* telah dimeterai di antara Kerajaan Malaysia dan Pemaju Projek, iaitu Syarikat Asaljuru Weida Sdn. Bhd., pada 28 April 2017.

Berhubung caj yang akan dikenakan kepada pengguna di Kompleks Tempat Letak Kenderaan (TLK) Bertingkat yang akan dibangunkan, kadar tersebut telah dirunding dan ditetapkan sebelum CA Projek ditandatangani.

Pembinaan kompleks TLK di atas premis HUS akan diuruskan sepenuhnya oleh Pemaju Projek. Bagi caj bayaran TLK, caj bayaran yang akan dikenakan adalah sepertimana yang dikenakan pada masa ini di HKL, iaitu bermula RM1 hingga maksimum RM10 sehari seperti berikut:

BIL	KATEGORI PENGGUNA	KADAR TLK
1.	Kakitangan hospital	Percuma
2.	Kakitangan perkhidmatan sokongan hospital	RM 80 sebulan
3.	Orang Awam	RM1.00 sejam (TLK Tidak Berbumbung)
		RM1.50 sejam (TLK Berbumbung)
	Kadar maksimum sehari	RM10.00

Berhubung bayaran balik Kerajaan kepada Pemaju Projek berdasarkan CA yang telah ditandatangani, komitmen Kerajaan bagi tempoh 20 tahun Konsesi Projek (termasuk tiga tahun tempoh pembinaan) adalah sebanyak RM1.082 bilion, meliputi bayaran *Availability Charges*, *Asset Management Services Charges* dan *Maintenance Reserve Fund*.